Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001841
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1841

Antara Kerjaya dan Tanggungjawab: Cabaran menguruskan Ibu Bapa ketika Pandemik COVID-19 di Johor, Malaysia.

(Between Career and Responsibility: The Challenge of Managing Parents during the COVID-19 Pandemic in Johor, Malaysia.)

Nor Hidayu Shahida Abas @ Ibrahim[1], Nik Norliati Fitri Md Nor[2*], Norhafiza Md Sharif[3], Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid[4]

[1]Geography Section, School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia, 11800 Penang, Malaysia.
Email: shahida1212@student.usm.my
[2]Geography Section, School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia, 11800 Penang, Malaysia.
Email: nikfitri@usm.my
[3]Geography Section, School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia, 11800 Penang, Malaysia.
Email: norhafiza_mdsharif@usm.my
[4]Geography Section, School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia, 11800 Penang, Malaysia.
Email: masayurashid@usm.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Nik Norliati Fitri Md Nor
(nikfitri@usm.my)

KATA KUNCI:
Penuaan
Warga emas
Barisan hadapan
Ibu bapa warga emas

KEYWORDS:
Aging
Elderly
Frontliner
Elderly parents

CITATION:
Nor Hidayu Shahida Abas @ Ibrahim et al. (2022). Antara Kerjaya dan Tanggungjawab: Cabaran menguruskan Ibu Bapa ketika Pandemik COVID-19 di Johor, Malaysia.. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(10), e001841. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1841

ABSTRAK

Fenomena penuaan dalam kalangan penduduk merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh setiap negara terutamanya dalam aspek menyediakan keperluan dan kebajikan warga emas. Namun dalam masa yang sama, penularan virus Covid-19 yang melanda negara kita telah memberi kesan yang besar terhadap masyarakat. Apabila keadaan ini berlaku, anggota yang terlibat sebagai '*frontliner*' akan menerima tugas yang mencabar dalam membanteras penularan wabak tersebut. Salah satu badan beruniform yang terlibat adalah anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM). Situasi ini menyebabkan tugas anggota polis semakin bertambah sehingga mereka berada di dalam dilema di antara menjalankan tugas dan kewajipan dalam menguruskan keperluan ibu bapa. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak untuk memilih sampel responden. Sampel kajian yang dipilih merupakan anggota polis lelaki yang menjawat pelbagai dan bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Kulaijaya yang terdiri daripada 80 orang responden. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ialah borang soal selidik untuk memperoleh data kuantitatif. Borang soal selidik diedarkan kepada responden melalui pautan yang disediakan dalam aplikasi Google Form dan data tersebut direkodkan di dalam format Microsoft Excel dan seterusnya di analisis dengan menggunakan perisian *"Statistical Package for Social Science"* (SPSS) versi 27.0. Hasil kajian mendapati, kesukaran untuk menguruskan ibu bapa telah mencetuskan kebimbangan bagi pihak responden dan juga ibu bapa. Pelbagai cabaran dihadapi oleh responden akibat kekangan dari segi masa kerana tuntutan tugas yang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

bertambah sewaktu penularan Covid-19. Bagi menyelesaikan isu pengabaian warga emas, anak-anak haruslah merancang kaedah terbaik dari aspek penjagaan ibu bapa mereka agar kebajikan warga emas terus dijaga.

ABSTRACT

The phenomenon of aging among the population is a challenge faced by every country, especially in the aspect of providing for the needs and welfare of the elderly. But at the same time, the spread of the Covid-19 virus that has hit our country has had a great impact on society. When this situation occurs, members involved as 'frontliners' will receive a challenging task in combating the spread of the epidemic. One of the uniformed bodies involved is the Royal Malaysian Police (PDRM). This situation causes the duties of police officers to increase until they are in a dilemma between carrying out their duties and obligations in managing the needs of parents. This study uses a random sampling method to select a sample of respondents. The research sample selected was a male police officer who held various positions and was on duty at the Kulaijaya District Police Headquarters consisting of 80 respondents. The main instrument used in the study is a questionnaire to obtain quantitative data. The questionnaire was distributed to the respondents through the link provided in the Google Form application and the data was recorded in Microsoft Excel format and then analyzed using the software "Statistical Package for Social Science" (SPSS) version 27.0. The results of the study found that the difficulty in managing parents has caused anxiety on behalf of the respondents and also the parents. Various challenges were faced by the respondents due to time constraints due to increased task demands during the spread of Covid-19. In order to solve the issue of neglecting the elderly, children should plan the best method from the aspect of caring for their parents so that the welfare of the elderly continues to be taken care of.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada kajian literatur sedia ada, mengenai tanggungjawab anak dalam menjaga ibu bapa warga emas. Ia memberikan cabaran baru kepada anak-anak terutama kepada petugas barisan hadapan bagaimana untuk mengimbangkan antara kerjaya dan tanggungjawab sebagai anak.

1. Pengenalan

Fenomena penuaan dalam kalangan penduduk merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh setiap negara terutamanya dalam aspek menyediakan keperluan dan kebajikan mereka serta penambahbaikan infrastruktur untuk golongan ini pada masa hadapan. Malaysia juga tidak terkecuali apabila fenomena penuaan ini berlaku semakin pesat menjelang abad ke-21 (Siti Zaila & Khadijah, 2016; Nur Syakiran et al., 2017). Keadaan ini disebabkan oleh taraf kehidupan yang semakin baik di mana penggunaan sains dan teknologi telah digunakan dalam meningkatkan taraf kesihatan lantas memberi impak kepada peningkatan jangka hayat golongan warga emas. Menurut

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Surina (2006), faktor pengurangan kadar kesuburan dalam kalangan generasi muda juga telah menyebabkan peratusan golongan warga emas ini meningkat di sesebuah negara.

Peningkatan jumlah warga emas yang semakin bertambah saban tahun, telah menyebabkan golongan warga emas memerlukan penjagaan rapi untuk satu tempoh yang lama. Keadaan ini menyebabkan anak-anak mengambil tanggungjawab untuk menjaga ibu bapa mereka sebagai penjaga tidak formal. Hal ini berlaku disebabkan anak-anak masih memiliki sifat tanggungjawab yang tinggi dalam menjaga ibu bapa mereka. Kajian Suraidah dan Rahimah (2018) mendapati penjaga bagi warga emas memerlukan sokongan yang berpanjangan dari semua pihak memandangkan mereka terhimpit dalam situasi yang sukar. Tambahan pula, golongan tua memerlukan bantuan yang berpanjangan terhadap penjaganya dan keadaan ini boleh memberi tekanan dari aspek fizikal, mental dan juga kewangan terhadap penjaga.

Selain itu, peningkatan jumlah warga emas telah menyebabkan berlakunya sindrom 'keluarga sandwich' yang semakin bertambah saban tahun. Menurut Fariz Sakinah (2018b), 'keluarga sandwich' merupakan mereka yang berada di peringkat atau golongan dewasa yang terperangkap di dalam urusan menjaga dua generasi iaitu anak-anak dan ibu bapa yang uzur dalam tempoh masa yang sama. Sindrom 'keluarga sandwich' ini banyak berlaku pada tahun 90-an dan golongan wanita yang bekerjaya lebih banyak mengalami sindrom ini pada ketika itu (Norulhuda et al., 2014; Halina & Noor Hatina, 2020). Namun, pada zaman kini golongan lelaki juga turut menghadapi sindrom 'keluarga sandwich' kerana golongan lelaki tidak lagi meletakkan beban sepenuhnya kepada golongan wanita iaitu isteri mereka dalam menguruskan ibu bapa sebaliknya bertindak mengambil tanggungjawab bersama-sama. Tambahan pula, pada zaman yang serba moden ini, rata-rata wanita kebanyakannya keluar mencari rezeki untuk menampung kehidupan keluarga dan disebabkan itu, kaum lelaki juga tidak terkecuali menjalankan tanggungjawab menjaga ibu bapa bersama-sama (Norulhuda et al., 2014; Fariz Sakinah, 2018a; Fariz Sakina2018b).

Situasi 'keluarga sandwich' juga turut berlaku dalam kalangan semua masyarakat di Malaysia tanpa mengira latar belakang. Dalam kajian ini, pengkaji akan memberi tumpuan kepada badan beruniform iaitu anggota PDRM untuk mengkaji bagaimana cabaran yang dihadapi oleh anggota polis lelaki dalam menguruskan kebajikan warga emas pasca Covid-19. Seperti mana bebanan kerja yang dihadapi oleh pekerja dalam sektor lain, anggota polis juga memiliki tugas hakiki yang mencabar di tempat kerja. Tambahan pula, dalam situasi berlakunya penularan pandemik Covid-19 yang melanda dunia dan Malaysia telah menyebabkan anggota polis semakin dibebani dengan tugasan lain terutamanya dari aspek penguatkuasaan undang-undang. Situasi ini juga telah menyebabkan tugas hakiki anggota polis semakin bertambah, dan dalam masa yang sama perlu menjalankan tanggungjawab menjaga kebajikan ibu bapa mereka. Kajian ini akan membincangkan lebih lanjut mengenai pandangan, isu dan kekangan kerja dalam kalangan anggota polis lelaki dalam tempoh penularan Covid-19 dan tanggungjawab mereka dalam menguruskan kebajikan warga emas yang juga merupakan ibu bapa mereka. Hal ini juga dapat membantu semua pihak dapat menyelami dilema, cabaran dan permasalahan yang timbul di antara kedua-dua belah pihak.

2. Sorotan Literatur

2.1. Warga Emas

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Takrifan atau istilah bagi warga emas adalah berbeza-beza mengikut kajian yang dilakukan dan juga mengikut takrifan yang diberikan oleh kerajaan bagi sesebuah negara. Hal ini kerana tiada takrifan yang spesifik yang diberikan kepada golongan ini. Menurut Nur Syakiran et al. (2017), perspektif takrifan bagi golongan warga tua ini bergantung kepada persepsi budaya dan pemahaman generasi yang berbeza-beza dalam sesebuah masyarakat. Oleh kerana tiada definisi yang sebenar untuk mentakrifkan definisi warga emas, Roebuck (1979) telah menyatakan bahawa pengkaji yang terdiri daripada ahli sosiologi lebih cenderung untuk mengklasifikasikan umur pencen atau umur persaraan sebagai garis pemisah antara golongan dewasa dan golongan tua.

Di Malaysia, warga emas ditakrifkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (2021) sebagai individu yang berusia 60 tahun ke atas iaitu berdasarkan takrifan yang telah dibuat oleh *World Assembly on Ageing* 1982 di Vienna. Menurut Kamus Dewan, warga emas bermaksud warga tua di Malaysia apabila seseorang telah mencecah usia persaraan iaitu pada umur 55 tahun atau pilihan persaraan pada umur 56 tahun. Surina (2006), beliau menjelaskan warga emas sebagai seseorang individu yang telah mencapai usia 60 tahun. Menurut Setiyawan (2019), warga emas merupakan seseorang yang sudah lama hidup, lanjut usia atau tidak muda lagi, sudah berumur atau dalam bahasa lainnya adalah orang tua. Ini bermakna, takrifan bagi warga emas di Malaysia ialah seseorang itu telah mencapai usia 60 tahun. Namun begitu, berdasarkan laporan Amree (2020) dalam Utusan Malaysia Online, pihak kerajaan telah bercadang untuk mengkaji semula takrifan usia warga emas daripada 60 tahun pada ketika ini kepada usia 65 tahun. Hal ini kerana Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), telah menetapkan usia warga emas bermula dari 65 tahun walaupun Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2021) menetapkan usia 50 tahun ditakrifkan sebagai warga emas dan di negara-negara Barat pula menetapkan usia 70 tahun ditakrifkan sebagai warga emas.

2.2. Fenomena Ibu Bapa Warga Emas

Peningkatan warga emas di Malaysia semakin melonjak saban tahun. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (2014), jumlah warga emas yang terdapat di Malaysia adalah sebanyak 2.45 juta. Namun, angka ini telah meningkat seperti data yang telah dikeluarkan oleh Perangkaan Demografi menerusi laporan yang dikeluarkan oleh Bernama (2020), di mana jumlah penduduk Malaysia yang berusia 65 tahun ke atas telah meningkat kepada 2.23 juta orang pada suku tahun keempat tahun 2020. Peningkatan ini menunjukkan Malaysia bakal menuju sebagai negara menua dan kini kerajaan perlu bersiap sedia dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk warga emas ini pada masa akan datang (Norulhuda et al., 2014; Bernama, 2020).

Fenomena pertambahan warga emas yang semakin meningkat, menyebabkan sesebuah negara itu akan mengalami kesan sosial, ekonomi dan juga kesejahteraan terhadap warga emas situ sendiri. Peningkatan bilangan golongan ini akan menyebabkan pertambahan isu dan cabaran dalam penjagaan mereka sama ada dalam sektor penjagaan formal ataupun tidak formal (Douglas, 1983; Aishah@Eshah & Katiman, 2012). Namun begitu, Nurul Hudani et al. (2020), menjelaskan aspek penjagaan warga emas dalam kalangan rakyat Malaysia ianya dianggap sebagai tanggungjawab secara turun-temurun disebabkan penerapan nilai-nilai murni dari generasi terdahulu. Lazimnya, ahli keluarga yang sudah tua ini akan dijaga oleh saudara mara yang terdekat terutamanya golongan wanita sama ada mereka ini terdiri daripada anak perempuan,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

anak saudara perempuan, cucu perempuan dan juga menantu perempuan yang tidak bekerja. Tambah beliau lagi, penjagaan warga emas secara tidak formal ini semakin terhakis memandangkan golongan wanita kini ramai yang berpelajaran tinggi dan bekerja untuk mencari nafkah buat keluarga lantas menyebabkan ada yang tidak tinggal bersama dengan keluarga. Justeru, tanggungjawab ini juga turut dipikul oleh anak lelaki bagi sama-sama meringankan penjagaan warga emas yang berada dalam tanggungjawab mereka (Norulhuda et al., 2014; Fariz Sakinah, 2018a; Fariz Sakina2018b).

Kajian Aishah@Eshah dan Katiman (2012) menunjukkan terdapat warga emas yang memilih untuk tidak tinggal bersama dengan anak-anak mereka. Hal ini disebabkan oleh kos hidup yang tinggi di kawasan bandar dan mereka tidak berkemampuan untuk hidup di kawasan bandar, lalu menyebabkan golongan ini lebih selesa tinggal di kawasan kampung. Menurut Wan Ibrahim dan Zainab (2010), pada zaman globalisasi dan arus kemodenan ini, kawasan kampung juga turut mengalami tempias daripada proses perbandaran dan keadaan ini dilihat telah menggusarkan golongan warga emas yang lebih selesa tinggal di kawasan kampung dan bersifat tradisional. Namun, keadaan ini ada kalanya berisiko menyebabkan warga emas ini merasa kesepian dan terasa dipinggirkan kerana anak-anak akan lebih memberi perhatian kepada keluarga sendiri dan kerjaya walaupun tinggal berhampiran lantas menyebabkan masa anak-anak terhadap ibu bapa terhad dan mereka hanya akan melawat ibu bapa mereka pada hujung minggu saja (Aishah@Eshah & Katiman, 2010).

2.3. Faktor Pengabaian Warga Emas

Apabila penjaga tidak formal ini mengambil alih tanggungjawab menjaga warga emas dalam tempoh yang panjang, mereka juga turut menghadapi kesan psikologi yang mendalam lantas menimbulkan pengabaian warga emas (Noraini et al., 2015; Suraidah & Rahimah, 2018; Nurul Hudani et al., 2020). Pengabaian warga emas ini dilihat semakin banyak berlaku apabila golongan penjaga tidak formal ini sudah tidak mampu menguruskan mereka apabila menghadapi pelbagai kekangan. Rata-ratanya kekangan kewangan dan kekangan masa merupakan permasalah yang sering timbul. Dalam kajian Noraini et al. (2015), pengabaian warga emas oleh anak-anak dewasa dilihat sebagai satu perkara yang serius dan perlu dibendung demi kesejahteraan mereka. Fenomena penjagaan warga emas secara berterusan ini boleh memberi kesan yang negatif terhadap penjaga tidak formal. Menurut Nurul Hudani et al. (2020), faktor kewangan memainkan peranan yang besar untuk menampung keperluan warga emas. Hal ini kerana, kos penjagaan warga emas ini semakin meningkat saban tahun lantas menyebabkan kewangan keluarga terjejas terutamanya jika hanya salah seorang ahli keluarga saja yang bertindak sebagai pencari nafkah yang utama.

Selain itu, pengabaian warga emas ada kalanya disebabkan faktor kerjaya anak-anak. Lazimnya, terdapat warga emas yang memilih untuk tinggal bersama dengan anak-anak mereka di bawah satu bumbung disebabkan faktor budaya yang mana anak-anak wajib menjaga ibu bapa mereka semasa hari tua seperti yang telah dikaji oleh Khadijah dan Rahim (2010). Menurut Hayashi (2011), budaya penjagaan warga emas di Jepun, rata-rata ibu bapa di sana memilih untuk tinggal bersama dengan anak lelaki mereka sama ada anak lelaki itu masih bujang atau sudah berkahwin. Tambahan pula, jika terdapat salah seorang pasangan yang meninggal dunia atau bercerai sudah pastinya warga emas yang terdiri daripada ibu atau bapa tunggal ini memerlukan peneman yang mana mereka lebih selesa meluahkan perasaan kepada anak-anak. Situasi ini menunjukkan bahawa warga emas memerlukan sokongan sosial dari anak-anak mereka dalam

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

meneruskan sisa-sisa kehidupan yang ada. Menurut Mohd Amierul Fikri et al. (2020), sokongan sosial sangat penting dalam kalangan warga emas kerana ia dapat meningkatkan kesejahteraan hidup mereka memandangkan golongan ini disifatkan sebagai golongan yang lemah sama ada dari segi kesihatan mental dan juga fizikal. Definisi sokongan sosial ini merupakan pertukaran sumber antara sekurang-kurangnya dua orang individu iaitu pihak penerima dan penyedia yang mana dapat meningkatkan kesejahteraan penerima. Hal ini menunjukkan hubungan sosial dan sokongan sosial yang baik adalah elemen yang penting bagi mencapai kehidupan yang sihat untuk warga emas.

Seterusnya, faktor ekonomi anak-anak juga memainkan peranan besar kerana kebanyakan warga emas tidak lagi memiliki pendapatan atau mungkin juga kehabisan simpanan dan kecapaian terhadap akses perubatan yang menyebabkan mereka memilih untuk tinggal bersama dengan anak-anak. Kajian Khadijah (2007) di Kuala Lumpur mendapati faktor pendapatan anak-anak yang rendah telah menyebabkan mereka mengabaikan aspek penjagaan ibu bapa mereka. Mereka memberi alasan bahawa beban kewangan untuk mengharungi kehidupan di bandar metropolitan menyebabkan mereka terpaksa mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa mereka. Ini merupakan satu tindakan anak-anak yang mengabaikan ibu bapa tanpa mereka sedari.

Fenomena pengabaian warga emas ini dilihat sebagai permasalahan sosial yang menimbulkan kebimbangan terhadap orang ramai. Menurut Abdul Aziz (2001), kes-kes pengabaian warga emas ini menunjukkan peranan anak-anak dalam nilai kekeluargaan ini semakin merosot. Keadaan ini seterusnya meningkatkan lagi bilangan rumah-rumah kebajikan dan perlindungan untuk warga emas sama ada disediakan oleh kerajaan ataupun hasil usaha badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) disebabkan sikap ahli keluarga yang tidak mahu bertanggungjawab dalam menjaga ibu bapa yang tua dan uzur (Siti Zaila & Khadijah, 2016).

Kajian Siti Marziah at al. (2013) ke atas risiko kesunyian warga emas mendapati golongan ini berisiko menghadap sakit mental kerana merasa kehilangan dan perubahan dalam hidup. Keadaan akan menjadi lebih teruk sekiranya warga emas menghadapi kecacatan fizikal dan tiada sokongan dari ahli keluarga lantas menyebabkan mereka menghadapi tekanan emosi dan merasa disisihkan. Dalam situasi penularan pandemik sekarang, golongan warga emas mudah mendapat risiko kesunyian sekiranya tinggal berjauhan dari anak-anak dan ahli keluarga yang lain apabila PKP dilaksanakan dalam tempoh yang panjang. Oleh itu, pengabaian terhadap mereka juga boleh terjadi tanpa disedari oleh penjaga. Noraini et al. (2015) menjelaskan faktor pengabaian warga emas dalam komuniti membuktikan warga emas ini diabaikan kerana mempunyai kerenah dan membebankan penjaga yang mana lebih tertumpu kepada kerjaya. Oleh itu, golongan warga emas akan terpinggir dan keadaan ini akan meningkatkan risiko tekanan perasaan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan yang berbelah bahagi ini, tidak wajar bagi semua pihak untuk menuding jari kepada anak-anak mahupun warga emas semata-mata. Hal ini kerana ada di antara anak-anak ini terpaksa melakukan pelbagai pekerjaan dan ada juga yang perlu bekerja lebih masa untuk memperoleh pendapatan tambahan semata-mata inginkan kehidupan yang lebih baik untuk keluarga mereka.

3. Metod Kajian

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kajian ini dijalankan pada tahun 2021 sewaktu berlakunya penularan wabak Covid-19 yang melanda negara, di samping pelaksanaan perintah kawalan pergerakan di seluruh negeri di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak untuk memilih sampel responden. Sampel kajian yang dipilih merupakan anggota polis lelaki yang menjawat pelbagai dan bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Kulaijaya yang terdiri daripada 80 orang responden. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ialah borang soal selidik untuk memperoleh data kuantitatif. Borang soal selidik di edarkan kepada responden melalui pautan yang disediakan di dalam aplikasi *Google Form* dan data tersebut direkodkan di dalam format Microsoft Excel dan seterusnya di analisis dengan menggunakan perisian "*Statistical Package for Social Science*" (SPSS) versi 27.0.

Borang soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A ialah latar belakang responden (maklumat demografi dan latar belakang pekerjaan responden). Bahagian B ialah cabaran kerjaya dan ibu bapa. Bahagian ini melibatkan pilihan jawapan 'Ya' dan 'Tidak' untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh responden dalam menguruskan ibu bapa warga emas. Selain itu, Bahagian ini menggunakan skala likert lima aras pilihan jawapan iaitu 'Sangat Tidak Setuju', 'Tidak Setuju', 'Tidak Pasti', 'Setuju' dan 'Sangat Setuju' untuk menjawab beberapa item soalan dalam bahagian ini. Bahagian terakhir iaitu Bahagian C ialah cadangan menguruskan warga emas yang juga menggunakan skala likert lima aras pilihan jawapan. Data kuantitatif yang diperoleh seterusnya dianalisis dengan menggunakan *perisian 'Statistical Package for Social Sciences'* (SPSS) versi 27.

3.1. Kawasan Kajian

Kajian dijalankan untuk mengkaji cabaran dalam menguruskan warga emas semasa penularan wabak Covid-19 dan memilih responden yang terdiri daripada 80 orang anggota PDRM dari IPD Kulai. Kulai merupakan sebuah bandar yang terletak di Daerah Kulai, Johor, dan berada di dalam pentadbiran Majlis Daerah Kulai (MDK). Bandar ini berada terletak sejauh 29KM dari Johor Bahru iaitu ibu negeri Johor dan sejauh 8 km dari Skudai. Tempat-tempat lain yang berhampiran dengan Bandar Kulai ialah Sengkang, Sedenak, Saleng, Selong dan Senai. Lokasi Kulai yang strategik Kulai dan mudah untuk dihubungi dari pelbagai arah telah menyebabkan ia dipilih sebagai Ibu Pejabat untuk mentadbir kawasan-kawasan yang berada di bawah pentadbirannya. Jumlah populasi di daerah tersebut adalah sebanyak 245,249 orang pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Terdapat pelbagai kemudahan perkhidmatan yang disediakan di daerah Kulai, dan salah satunya ialah IPD Kulai yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal keselamatan orang awam di kawasan tesebut. Rajah 1 menunjukkan gambar Ibu Pejabat Polis Daerah Kulaijaya, manakala Rajah 2 menunjukkan Peta Negeri Johor dan kawasan kajian.


© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 1: Gambar Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai Johor



Sumber: Kajian Lapangan, 2021-2022

Rajah 2: Peta Negeri Johor dan kawasan kajian



Sumber: Diubah suai dan diadaptasi dari Wikipedia (n.d.)

4. Hasil Kajian

4.1. Latar Belakang Responden

4.1.1. Maklumat demografi

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, responden yang diperoleh adalah terdiri daripada anggota PDRM lelaki yang bertugas di IPD Kulai, Johor. Kajian ini melibatkan responden yang berumur 30-39 tahun (37%), 20-29 tahun (37%), 50 tahun ke atas (15%) dan 40-49 tahun (9%). Responden yang terlibat juga terdiri daripada etnik Melayu (62%), India (13%) dan Cina (11%). 14% merupakan lain-lain bangsa iaitu Bumiputera Sabah dan Sarawak yang berketurunan Iban iaitu 5%, Melanau 3.8% Bajau

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2.5% dan etnik Dusun dan Kadazan 1.3%. Kajian ini melibatkan majoriti responden yang beragama Islam (69%), manakala Hindu (11%), diikuti dengan Buddha dan Kristian masing-masing mewakili 10%. Dari segi status perkahwinan, kebanyakan responden telah berkahwin (61%), diikuti dengan status bujang (34%) dan selebihnya 5% adalah duda. Selain itu, majoriti responden kajian ini juga mempunyai tahap Pendidikan SPM (52%), STPM/Diploma (35%), Ijazah Dasar (10%) dan 3% mewakili responden yang memiliki tahap pendidikan Ijazah Lanjutan seperti Master atau Doktor Falsafah (PhD).

Jadual 1: Maklumat demografi

Maklumat demografi	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Umur		
20-29 tahun	30	37
30-39 tahun	31	39
40-49 tahun	7	9
50 tahun ke atas	12	15
Jumlah	80	100
Bangsa		
Melayu	50	62
Cina	9	11
India	10	13
Lain-lain	11	14
Jumlah	80	100
Agama		
Islam	55	69
Buddha	8	10
Hindu	9	11
Kristian	8	10
Jumlah	80	100
Status perkahwinan		
Bujang	27	34
Berkahwin	50	61
Duda	3	5
Jumlah	80	100
Tahap Pendidikan		
SPM	42	52
STPM/Diploma	28	35
Ijazah Dasar	8	10
Ijazah Lanjutan	2	3
Jumlah	80	100

4.1.2. Latar belakang pekerjaan responden.

Jadual 2 menunjukkan latar belakang pekerjaan responden sebagai anggota polis yang berkhidmat di IPD Kulai, Johor. Dari segi latar belakang pekerjaan responden, kajian ini melibatkan responden dari Jabatan Siasatan Jenayah (20%), Cawangan Khas (16%) Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (13%) Jabatan Pengurusan (12%), Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (11%), Jabatan Narkotik (10%), Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (8%), Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (5%) dan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (5%). Kebanyakan responden telah berkhidmat dengan PDRM lebih dari 6 tahun (56%), diikuti dengan tempoh masa 4-5

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

tahun (16%), 3 hingga 4 tahun (10%) dan 1 hingga 2 tahun serta kurang dari 1 tahun iaitu masing-masing mewakili 9%. Dari segi pangkat, majoriti responden yang terlibat adalah berpangkat Koperal (34%), Lans Koperal (27%), Sarjan (15%), Konstable (12%), Sarjan Mejar (8%) dan Sub-Inspektor (4%). Kebanyakan responden menerima pendapatan bulanan RM 2001-RM 3000 (32%), RM 3001-RM 4000 (29%), RM1000-RM 2000 (15%), RM5001 ke atas (13%) dan RM 4001-RM5000 (11%).

Jadual 2: Latar Belakang Pekerjaan

Latar Belakang Pekerjaan	**Kekerapan (n)**	**Peratusan (%)**
Cawangan		
Cawangan Khas	13	16
Siasatan Jenayah	16	20
Pengurusan	10	12
Jenayah Narkotik	8	10
Jenayah Komersial	4	5
Sumber Strategik &Teknologi	10	13
Pencegahan Jenayah & Komuniti	9	11
Integriti & Pematuhan Standard	4	5
Trafik	6	8
Jumlah	80	100
Tempoh perkhidmatan		
Kurang 1 tahun	7	9
1-2 tahun	7	9
3-4 tahun	8	10
4-5 tahun	13	16
Lebih 6 tahun	45	56
Jumlah	80	100
Pangkat		
Konstable	10	12
Lans Koperal	22	27
Koperal	27	34
Sarjan	12	15
Sarjan Mejar	6	8
Sub-Inspektor	3	4
Jumlah		100
Pendapatan bulanan		
RM 1000 – RM 2000	12	15
RM 2001– RM 3000	26	32
RM 3001 – RM 4000	23	29
RM 4001 – RM5000	9	11
RM 5001 ke atas	10	13
Jumlah	80	100

4.2. Cabaran Kerjaya Dan Ibu Bapa

4.2.1. Cabaran menguruskan keperluan ibu bapa warga emas

Jadual 3 menunjukkan cabaran menguruskan keperluan ibu bapa warga emas. Hasil kajian mendapati 81% responden berperanan sebagai pencari nafkah dalam keluarga.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Selain itu 52.5% responden bertanggungjawab dalam menguruskan keperluan ibu bapa mereka sejak dahulu lagi. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan peranan mereka sebagai anak lelaki dalam keluarga. Malah, keadaan ibu bapa mereka yang tidak bekerja dan uzur juga menyebabkan responden mengambil peranan menjaga ibu bapa mereka. Sebaliknya, 47.5% responden mendakwa tidak dapat menguruskan ibu bapa mereka atas alasan masih baru bekerja dan sumber kewangan masih belum stabil.

Hasil kajian menunjukkan 87.5% responden tidak tinggal serumah dengan ibu bapa mereka. Hal ini kerana jarak yang jauh dari rumah ibu bapa dengan tempat kerja responden, malah ada yang tinggal di berlainan negeri dan ada juga yang berasal dari Sabah dan Sarawak sehingga mereka terpaksa berpindah dan tinggal berjauhan dari ibu bapa mereka.

Dari segi kesihatan, 97.5% responden mendakwa mereka tidak menghidap sebarang penyakit kronik. Sebanyak 67.5% responden menyatakan bahawa ibu bapa mereka tidak menghidap sebarang masalah kesihatan kronik, sebaliknya 32.5% mempunyai ibu bapa yang mempunyai masalah kesihatan kronik. 67.5% responden menyatakan bahawa ibu bapa mereka memerlukan rawatan berkala ke premis kesihatan dan 89% mendakwa ibu bapa mereka memerlukan penjagaan khusus atau bantuan orang lain dalam menguruskan aktiviti seharian mereka. Hasil kajian ini mendapati 52.5% responden tidak menghadapi kesukaran dalam menguruskan ibu bapa semasa penularan Covid-19.

Jadual 3: Cabaran menguruskan keperluan ibu bapa warga emas

BIL.	PENYATAAN	PERATUSAN		
		YA	TIDAK	JUMLAH
1	Pencari nafkah utama dalam keluarga	81	19	100
2	Mengurus segala keperluan ibu bapa	52.5	47.5	100
3	Tinggal serumah dengan ibu bapa	12.5	87.5	100
3	Menghadapi masalah kesihatan kronik	2.5	97.5	100
4	Ibu bapa menghadapi masalah kesihatan kronik	32.5	67.5	100
5	Ibu bapa perlukan rawatan berkala ke premis kesihatan	32.5	67.5	100
6	Ibu bapa memerlukan penjagaan khusus/bantuan dari orang lain	11	89	100
7	Menghadapi kesukaran dalam menguruskan ibu bapa semasa Covid-19.	47.5	52.5	100


4.2.2. Kekerapan melawat ibu bapa sebelum dan selepas Covid-19

Rajah 3 menunjukkan kekerapan melawat ibu bapa sebelum dan selepas Covid-19. Hasil kajian mendapati sebelum berlakunya penularan wabak Covid-19, sebanyak 43.8% responden selalu melawat ibu bapa mereka, diikuti dengan 36.3% responden jarang melawat dan 20% tidak melawat ibu bapa mereka. Namun, selepas penularan wabak Covid-19 dapatan kajian menunjukkan 61.2% responden tidak melawat ibu bapa, manakala 25% jarang melawat dan hanya 13.8% responden sahaja yang selalu melawat ibu bapa mereka selepas Covid-19. Kekerapan lawatan ini boleh dikaitkan dengan masa bertugas anggota polis yang tidak tetap masa dan waktu bekerja secara '*shift*'. Selain itu, faktor halangan untuk melawat ibu bapa mereka di kampung kerana cuti dibekukan, kekangan masa dari segi komitmen kerja, anak-anak yang masih bersekolah, pasangan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

tidak mendapat cuti, jarak yang terlalu jauh bagi mereka yang berasal dari Sabah dan Sarawak kerana memakan kos yang tinggi.

Rajah 3: Kekerapan Melawat Ibu Bapa Sebelum dan Selepas Covid-19



4.2.3. Tugas membawa ibu bapa

Jadual 4 menunjukkan tugas membawa ibu bapa ke premis kesihatan dan membeli barangan keperluan. Hasil kajian mendapati sebanyak 74% responden menyatakan bahawa tugas untuk membawa ibu bapa mendapatkan rawatan berkala dilakukan oleh adik beradik yang lain. Situasi ini boleh dikaitkan dengan adanya adik-beradik yang lain yang tinggal bersama atau tinggal berhampiran dengan ibu bapa mereka. Terdapat 12% responden sendiri yang berkesempatan untuk membawa ibu bapa mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara berkala. Selain itu, 10% responden mendakwa terdapat ibu bapa mereka pergi sendiri ke premis kesihatan sama ada memandu sendiri atau dengan menggunakan perkhidmatan kenderaan '*e-hailing*' seperti *Grab*. Hal ini menunjukkan bahawa warga emas memerlukan sistem sokongan sosial yang efektif dalam membantu mereka untuk ke pusat kesihatan. Selebihnya 4% responden turut menyatakan bahawa terdapat jiran tetangga sudi membantu ibu bapa mereka dibawa ke premis kesihatan. Kebanyakan responden menyatakan tugas membeli barangan keperluan ibu bapa dibantu oleh adik-beradik (73%), responden sendiri (16%), jiran (1%) dan lain-lain (10%).

Jadual 4: Tugas membawa ibu bapa ke premis kesihatan

Tugas Membawa Ibu Bapa	**Kekerapan (n)**	**Peratusan (%)**
Premis kesihatan		
Diri sendiri	10	12
Adik-beradik	59	74
Jiran	3	4
Lain-lain	8	10
Jumlah	80	100
Membeli barang keperluan		
Diri sendiri	13	16
Adik-beradik	58	73
Jiran	1	1
Lain-lain	8	10
Jumlah	80	100

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.2.4. Kesukaran yang dihadapi oleh anggota PDRM

Bahagian ini melibatkan item-item soal selidik dengan skala Likert 5 yang ditetapkan iaitu 1=sangat tidak setuju (STS), 2=tidak setuju (TS), 3=tidak pasti (TP), 4=setuju (S), dan 5 sangat setuju (SS). Jadual 5 menunjukkan kesukaran yang dihadapi oleh anggota PDRM. Dalam menghadapi penularan wabak Covid-19, anggota PDRM juga turut menghadapi kesukaran yang perlu ditempuhi sepanjang tempoh PKP yang telah dilaksanakan. Keadaan ini secara tidak langsung menyukarkan responden untuk menguruskan ibu bapa mereka. 41.3% menyatakan bahawa temu janji di hospital sering ditunda menyebabkan ibu bapa saya sukar untuk mendapatkan rawatan seperti biasa. Malah, 27.5% mendakwa perubahan masa dan tempat ke hospital/klinik yang lebih jauh telah menyukarkan responden untuk membawa ibu bapa. Selain itu, peningkatan kes Covid-19 menyebabkan saya bimbang untuk membawa ibu bapa ke hospital/klinik untuk mendapatkan rawatan. 57.5% responden menyatakan bahawa jadual kerja saya yang tidak menentu sejak tercetusnya pandemik telah menyukarkan responden untuk meluangkan masa untuk mengurus keperluan ibu bapa. 77.5% responden mendakwa tugas sebagai *'frontliner'* banyak berhadapan dengan orang ramai serta berisiko tinggi untuk dijangkiti virus Covid-19. 66.3% responden menyatakan bahawa jangkitan Covid-19 dalam kalangan teman sekerja yang semakin bertambah membuatkan mereka bimbang sekiranya dijangkiti. Namun, hanya 20% responden sahaja yang mendakwa pernah dijangkiti Covid-19 dan perlu menjalani kuarantin. 42.5% responden menyatakan kekurangan kakitangan di IPD kerana bekerja di luar/dikuarantin menyebabkan skop kerja responden semakin bertambah berbanding sebelumnya. Lebih mencabar, apabila 66.3% responden mendakwa sejak tercetusnya pandemik, cuti mereka dibekukan/sukar untuk diluluskan. 25% responden turut menyatakan penyelia/ketua tidak mudah bertolak ansur dengan anggota bawahan dari segi fleksibiliti masa dalam mengurus ibu bapa/keluarga, namun terdapat 25% responden lain menyatakan sebaliknya.

Jadual 5: Peratusan Kesukaran yang dihadapi oleh anggota PDRM

BIL	PENYATAAN	PERATUSAN				
		STS	TS	TP	S	SS
1.	Temu janji di hospital sering ditunda menyebabkan ibu bapa saya sukar untuk mendapatkan rawatan seperti biasa	13.8	15.0	26.3	41.3	3.8
2.	Perubahan masa dan tempat ke hospital/klinik yang lebih jauh telah menyukarkan saya untuk membawa ibu bapa ke sana.	10.0	20.0	41.3	27.5	1.3
3.	Peningkatan kes Covid-19 menyebabkan saya bimbang untuk membawa ibu bapa ke hospital/klinik untuk mendapatkan rawatan.	8.8	7.5	12.5	37.5	33.8
4.	Kerja saya yang tidak menentu sejak tercetusnya pandemik telah menyukarkan saya meluangkan masa/mengurus keperluan ibu bapa.	10.0	3.8	6.3	22.5	57.5
5.	Sebagai *'frontliner'*, tugas saya banyak bertemu dengan orang ramai dan berisiko untuk dijangkiti virus Covid-19.	1.3	-	2.5	18.8	77.5
6.	Jangkitan Covid-19 dalam kalangan teman sekerja yang semakin bertambah membuatkan saya bimbang diri saya dijangkiti.	1.3	3.8	3.8	25.0	66.3

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

7.	Saya pernah dijangkiti Covid-19 dan perlu menjalani kuarantin.	38.8	33.8	5.0	20.0	2.5
8.	Kekurangan kakitangan di IPD kerana bekerja di luar/dikuarantin menyebabkan kerja saya semakin bertambah berbanding sebelumnya.	2.5	10.0	26.3	42.5	18.8
9.	Sejak tercetusnya pandemik, cuti saya dibekukan/sukar untuk diluluskan.	6.3	2.5	5.0	20.0	66.3
10.	Penyelia/ketua tidak mudah bertolak ansur dengan anggota bawahan dari segi fleksibiliti masa dalam mengurus ibu bapa/keluarga.	12.5	25.0	16.3	21.3	25.0

4.2.6. Cabaran dalam mengurus ibu bapa semasa Covid-19

Jadual 6 menunjukkan cabaran dalam mengurus ibu bapa semasa Covid-19. Hasil kajian mendapati kebanyakan ibu bapa (74%) memahami situasi Covid-19 yang melanda pada masa sekarang. Responden juga kebanyakannya (91%) pernah berkongsi maklumat berkaitan dengan Covid-19 dengan ibu bapa mereka. Selain itu, terdapat 89% responden mendakwa bahawa ibu bapa memahami keadaan tugasan mereka yang semakin bertambah semasa Covid-19 melanda. 80% responden juga menyatakan bahawa tidak terdapat ahli keluarga/ibu bapa mereka yang dijangkiti/di kuarantin kerana COVID-19, dan 85% responden turut merasakan agak sukar menghadapi situasi sukat akibat penularan wabak Covid-19 pada masa kini.

Jadual 6: Cabaran dalam mengurus ibu bapa semasa Covid-19

		PERATUSAN		
BIL.	**PENYATAAN**	**YA**	**TIDAK**	**JUMLAH**
1	Adakah ibu bapa memahami situasi Covid-19 yang melanda sekarang?	74	26	100
2	Adakah anda pernah berkongsi maklumat berkaitan dengan Covid-19 dengan ibu bapa?	91	9	100
3	Adakah ibu bapa anda mengetahui keadaan tugasan anda yang semakin bertambah semasa Covid-19 melanda?	89	11	100
4	Adakah terdapat ahli keluarga/ibu bapa anda yang dijangkiti/dikuarantin kerana Covid-19?	20	80	100
5	Adakah anda merasa sukar dengan situasi yang dihadapi kini?	85	1	100

4.3. Cadangan menguruskan warga emas

Jadual 7 menunjukkan cadangan untuk menguruskan ibu bapa warga emas responden. Hasil kajian mendapati 77.5% responden bersetuju sekiranya majikan perlu bertolak ansur dalam menetapkan waktu yang fleksibel terutamanya yang terlibat dalam kerja *shift*. Hal ini juga dapat membantu anggota dalam menguruskan keperluan ibu bapa dan mereka dapat beristirahat untuk merehatkan badan dan juga minda walaupun dalam tempoh yang sebentar. 85% responden juga berharap majikan dan pekerja juga boleh bertolak ansur/memberi pelepasan terhadap pekerja yang perlu menguruskan kedua ibu bapa yang uzur dan memerlukan rawatan. Dari aspek kebersihan, 88% mencadangkan agar majikan menyediakan pelitup separuh muka dan *'hand sanitizer'* kepada para pekerja di pejabat/balai/luar. Dalam laporan yang telah dinyatakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (2021), pihak majikan perlu menyediakan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kemudahan dan langkah keselamatan tambahan untuk mengawal dan sekaligus mengelak pekerja dibawah mereka dijangkiti virus berbahaya ini. Disebabkan itu, rata-ratanya sangat bersetuju jika pihak majikan menyediakan keperluan ini untuk kegunaan pekerja dan juga untuk orang ramai yang perlu berurusan di IPD Kulai.

87.5% responden menggesa pekerja untuk mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh MKN sewaktu di tempat kerja. Selain itu responden mencadangkan agar majikan atau pekerja perlu lebih cakna jika terdapat rakan sekerja yang dijangkiti Covid-19/di kuarantin (87.5%) serta ahli keluarga rakan sekerja yang di kuarantin/dijangkiti Covid-19 (87.5%). Bantuan yang wajar diberikan adalah dari segi kewangan dan juga barangan keperluan harian memandangkan mereka ini perlu di kuarantin. Hal ini kerana, tidak semua ahli keluarga anggota yang memiliki kemudahan dan akses untuk membeli barangan keperluan dan ada juga yang terjejas kewangannya apabila perlu di kuarantin di pusat kuarantin mahupun di rumah. Malah, 87.5% responden menggesa agar tidak memboikot rakan sekerja dan ahli keluarga mereka yang pernah dijangkiti Covid-19. Hal ini kerana mereka yang pernah dijangkiti virus Covid-19 ini tidak sewajarnya disisihkan dalam kelompok komuniti kerana ianya masih boleh disembuhkan jika pesakit mendapatkan rawatan.

Jadual 7: Cadangan menguruskan warga emas

BIL.	PENYATAAN	SKALA				
		1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)
1	Majikan perlu bertolak ansur dalam menetapkan waktu yang fleksibel terutamanya yang terlibat dalam kerja shift	-	1.3	1.3	20.0	77.5
2	Majikan dan pekerja juga perlu bertolak ansur/memberi pelepasan terhadap pekerja yang perlu menguruskan kedua ibu bapa yang uzur dan memerlukan rawatan.	-	2.5	2.5	10.0	85.0
3	Majikan perlu menyediakan pelitup separuh muka dan *'hand sanitizer'* kepada para pekerja di pejabat/balai/luar.	-	-	-	11.3	88.8
4	Pekerja perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh MKN sewaktu di tempat kerja	-	2.5	1.3	8.8	87.5
5	Majikan atau pekerja perlu lebih cakna jika terdapat rakan sekerja yang dijangkiti Covid-19/dikuarantin	-	-	-	12.5	87.5
6	Majikan dan pekerja juga perlu cakna terhadap ahli keluarga rakan sekerja yang dikuarantin/dijangkiti Covid-19.	-	2.5	1.3	8.8	87.5
7	Rakan sekerja dan ahli keluarga mereka yang pernah dijangkiti Covid-19 tidak perlu diboikot	-	-	-	12.5	87.5

5. Perbincangan

Responden menghadapi cabaran antara kerjaya dan menjaga ibu bapa. Hasil kajian mendapati responden berperanan sebagai pencari nafkah dalam keluarga. Selain itu responden juga bertanggungjawab dalam menguruskan keperluan ibu bapa mereka sejak dahulu lagi. Terdapat juga responden yang perlu menampung perbelanjaan adik beradik yang ramai serta menguruskan keperluan ibu bapa. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan peranan mereka sebagai anak lelaki dalam keluarga. Malah, terdapat responden

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang dibesarkan oleh ibu atau bapa tunggal dimana salah seorang pasangan telah lama meninggal dunia dan mereka juga tinggal bersendirian. Tambahan pula, ada yang menyatakan ibu bapa mereka sudah tidak bekerja kerana uzur dan hanya mengharapkan ehsan dari anak-anak. Situasi ini sama seperti yang dijelaskan oleh (Norulhuda et al., 2014; Fariz Sakinah, 2018a; Fariz Sakina2018b) iaitu tanggungjawab menjaga ibu bapa warga emas turut dipikul oleh golongan lelaki bagi sama-sama meringankan penjagaan warga emas yang berada dalam tanggungjawab mereka (Norulhuda et al., 2014; Fariz Sakinah, 2018a; Fariz Sakina2018b). Malah, keadaan ibu bapa mereka yang tidak bekerja dan uzur juga menyebabkan responden mengambil peranan menjaga ibu bapa mereka. Dapatan kajian ini disokong oleh Nurul Hudani et al. (2020), di mana aspek penjagaan warga emas dianggap sebagai tanggungjawab secara turun-temurun disebabkan penerapan nilai-nilai murni dari generasi terdahulu. Sebaliknya, terdapat responden mendakwa tidak dapat menguruskan ibu bapa mereka atas alasan masih baru bekerja dan sumber kewangan masih belum stabil. Dapatan kajian ini sama seperti yang dijelaskan oleh Nurul Hudani et al. (2020), iaitu faktor kewangan memainkan peranan yang besar untuk menampung keperluan warga emas kerana, kos penjagaan warga emas dilihat semakin meningkat saban tahun lantas menyebabkan kewangan keluarga terjejas terutamanya jika hanya salah seorang ahli keluarga saja yang bertindak sebagai pencari nafkah yang utama.

Hasil kajian juga menunjukkan terdapat responden yang tidak tinggal serumah dengan ibu bapa mereka. Hal ini kerana jarak yang jauh dari rumah ibu bapa dengan tempat kerja responden, malah ada yang tinggal di berlainan negeri dan ada juga yang berasal dari Sabah dan Sarawak sehingga mereka terpaksa berpindah dan tinggal berjauhan dari ibu bapa mereka. Keadaan ini juga dilihat agak sukar untuk mereka terlibat sama dalam menguruskan ibu bapa kerana jarak dari rumah dan tempat kerja yang jauh. Alasan lain yang diberikan adalah rata-ratanya sudah berkahwin, memiliki rumah sendiri bersama dengan pasangan dan mereka membuat keputusan untuk tinggal berasingan dari ibu bapa. Selain itu, terdapat responden yang bujang namun tinggal menyewa bersama dengan rakan-rakan bujang di kuarters IPD ataupun di kawasan rumah sewa yang lain dan ini menyebabkan mereka tidak tinggal serumah dengan ibu bapa. Terdapat juga responden mendakwa ibu bapa mereka juga memilih untuk tinggal dengan anak-anak yang lain disebabkan jarak rumah dengan hospital yang lebih dekat, faktor kewangan yang stabil oleh yang dimiliki oleh adik beradik yang lain dan juga kerana faktor masa kerana adik beradik lain tidak bekerja dalam badan beruniform yang mana kerjanya tidak tentu masa. Dapatan kajian ini boleh dikaitkan dengan kajian Aishah@Eshah dan Katiman (2012) yang mendapati terdapat warga emas yang memilih untuk tidak tinggal bersama dengan anak-anak mereka kerana lebih selesa tinggal di kampung.

Walau bagaimanapun, terdapat responden yang masih tinggal bersama ibu bapa mereka kerana lokasi tempat kerja yang berdekatan dengan rumah ibu bapa, dan keadaan ini memudahkan mereka menguruskan keperluan ibu bapa. Selain itu, ada juga memberi alasan yang mereka tinggal bersama ibu bapa kerana adik beradik yang lain tinggal berjauhan. Tambahan pula, terdapat ibu dan bapa mereka tinggal bersendirian kerana kematian salah seorang pasangan lantas menyebabkan responden ini tinggal serumah dengan mereka. Responden memberi alasan yang mereka tidak mahu ibu atau bapa mereka kesunyian tambahan pula mereka juga turut mengalami masalah kesihatan. Oleh itu, apabila terdapat responden yang memilih untuk tinggal serumah dengan ibu bapa warga emas, sekurang-kurangnya ibu bapa mereka tidak merasa kesunyian dan anak mereka juga dapat menunaikan tanggungjawab mengurus keperluan isi rumah. Siti Marziah at al. (2013) telah berbicara tentang risiko kesunyian warga emas dan beliau

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

melihat bahawa golongan ini berisiko menghadapi sakit mental kerana merasa kehilangan dan perubahan dalam hidup.

Dari segi kekerapan menziarahi ibu bapa, hasil kajian mendapati sebelum Covid-19, kebanyakan responden berkesempatan melawat ibu bapa mereka. Bagi responden yang selalu pulang melawat ibu bapa di kampung halaman disebabkan oleh jarak rumah mereka dengan ibu bapa yang dekat. Keadaan ini memudahkan mereka untuk sentiasa melawat ibu bapa pada hujung minggu untuk memberi/membeli barang keperluan harian. Sebaliknya, selepas Covid-19, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden tidak melawat ibu bapa. Kekangan ini boleh dikaitkan dengan masa bertugas anggota polis yang tidak tetap masa dan waktu bekerja secara '*shift*'. Selain itu, faktor halangan untuk melawat ibu bapa mereka di kampung kerana cuti dibekukan, kekangan masa dari segi komitmen kerja, anak-anak yang masih bersekolah, pasangan tidak mendapat cuti, jarak yang terlalu jauh bagi mereka yang berasal dari Sabah dan Sarawak kerana memakan kos yang tinggi. Tambahan pula, warga PDRM perlu bekerja lebih masa untuk mengawal penularan jangkitan koronavirus ini sehingga aktiviti rentas negeri tidak dapat dilakukan seperti biasa menyebabkan responden tidak dapat melawat ibu bapa mereka dengan kerap seperti yang dilakukan sebelum ini. Tambahan pula, apabila kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020 menyebabkan sekatan perjalanan kepada semua warga yang menetap di Malaysia. Menurut Aishah@Eshah dan Katiman (2010), keadaan ini ada kalanya berisiko menyebabkan warga emas ini merasa kesepian dan terasa dipinggirkan.

Selain itu, kebanyakan responden menyatakan bahawa tugas untuk membawa ibu bapa mendapatkan rawatan berkala dilakukan oleh adik beradik yang lain. Situasi ini boleh dikaitkan dengan adanya adik-beradik yang lain yang tinggal bersama atau tinggal berhampiran dengan ibu bapa mereka serta memiliki masa yang fleksibel untuk menguruskan ibu bapa mereka. Disebabkan oleh kekangan waktu bekerja responden, maka adik beradik yang lain dilihat lebih banyak membantu serta menghabiskan masa untuk menguruskan keperluan ibu bapa. Walau bagaimanapun, terdapat golongan ibu bapa responden yang lebih moden dan celik teknologi dalam penggunaan telefon pintar, mereka ini lebih suka menggunakan khidmat orang tengah untuk membeli barangan keperluan harian di atas talian iaitu dengan menggunakan aplikasi Foodpanda, Grab atau Shopee kerana lebih menjimatkan masa, tenaga dan wang. Walau dalam keadaan apa sekalipun, warga emas sangat memerlukan sokongan sosial dari orang sekeliling mereka. Menurut Mohd Amierul Fikri et al. (2020), sokongan sosial dalam kalangan warga emas sangat penting bagi meningkatkan kesejahteraan hidup mereka memandangkan golongan ini disifatkan sebagai golongan yang lemah sama ada dari segi kesihatan mental dan juga fizikal.

6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, ternyata penularan pandemik ini memberi cabaran yang besar kepada anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang bertugas di di Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai (IPD Kulai) dalam menguruskan ibu bapa warga emas. Hal ini kerana tugas anggota PDRM ini semakin bertambah sejak pandemik Covid-19 menular dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini telah menyebabkan anggota PDRM terbabit berada dalam keadaan dilema di antara menjalankan tugas dan juga kewajipan dalam menguruskan keperluan ibu bapa warga emas yang sedang uzur dan memerlukan perhatian. Perkara ini telah menyebabkan kewujudan 'keluarga sandwich' semakin meningkat dan keadaan ini seterusnya boleh memberikan kesan kepada fizikal dan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

emosi. Kesan kepada emosi dalam kalangan anggota beruniform juga semakin meningkat sehingga ada yang bertindak mencederakan rakan sekerja dan terdapat juga yang telah mengambil nyawa sendiri. Keadaan ini dilihat semakin serius ketika tercetusnya pandemik dan ini menunjukkan anggota PDRM juga memerlukan bantuan perubatan untuk menangani masalah mereka.

Selain itu, kebajikan ahli keluarga kepada anggota PDRM juga tidak seharusnya diabaikan kerana tidak semua anggota PDRM memiliki kemudahan dalam menguruskan ahli keluarga yang uzur mahupun sakit. Ini kerana, terdapat juga anggota PDRM yang bertanggungjawab sepenuhnya menjaga dan merawat ibu bapa warga emas dalam semua hal. Oleh itu sebagai anak yang bertanggungjawab, mereka akan sedaya upaya menyediakan segala keperluan yang sehabis baik untuk ibu bapa mereka. Sikap bertolak ansur sewajarnya diamalkan oleh pihak atasan dan di kalangan rakan sekerja yang lain untuk membantu serta meringankan beban mereka. Terutamanya kepada anggota yang terhimpit dalam situasi tanggungjawab dalam menjalankan tugas hakiki dan pada masa yang sama perlu menguruskan ibu bapa mereka. Justeru, semua pihak perlu mengambil langkah yang wajar terhadap anggota atau pegawai PDRM yang memerlukan bantuan demi meringankan beban mereka serta ahli keluarga masing-masing. Langkah-langkah wajar ini juga perlu demi menjamin kesejahteraan semua pihak dalam mengharungi pandemik Covid-19 yang dilihat seperti tidak berkesudahan ini.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kajian ini tidak menggunakan kelulusan etika, tetapi kajian ini telah mendapat persetujuan daripada peserta/ responden kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Ayat ringkas (1 hingga 3 ayat sahaja)

Kewangan (*Funding*)

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia kerana membiayai penerbitan ini melalui Geran Jangka Pendek (304/PJJAUH/6315265).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abdul Aziz Jemain. (2001). Model Umur Berkahwin Pertama di Semenanjung Malaysia. *Matematika, 17*(1), 33-44.

Aishah@Eshah Haji Mohamed., & Katiman Rostam. (2012). Warga tua Melayu di pinggir wilayah metropolitan, Selangor: Pengalaman dan persepsi tentang diri. *Malaysia Journal of Society and Space, 8*(6), 1-14.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Amree Ahmad. (2020). Kerajaan cadang definisi warga emas dinaikkan. *UtusanMalaysia Online.* Dimuat turun daripada https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/kerajaan-cadang-definisi usia-warga-emas-dinaikkan/ pada Januari 10, 2021. Dicapai pada 29 Mac 2021.

Bernama. (2020). Jumlah rakyat warga emas meningkat 2.23 juta. *Harian Metro Online*. Dimuat turun dari: https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/02/543660/jumlah-rakyatwarga-emas-meningkat-223-juta Dicapai pada April 28, 2021.

Douglas, R.L. (1983). Domestic neglect and abuse of the elderly: Implications for research. *Family Relations, 32*(3), 395-402.

Fariz Sakina Abdullah. (2018a). Penjagaan keluarga sandwich (tekanan anak). *Myhealth :Kementerian Kesihatan Malaysia*. Dimuat turun dari:http://www.myhealth.gov.my/penjagaan-keluarga-sandwich/ Dicapai pada Mac 16, 2021.

Fariz Sakina Abdullah. (2018b). Sindrom keluarga sandwich. *Myhealth: KementerianKesihatan Malaysia.* Dimuat turun dari: http://www.myhealth.gov.my/sindrom-keluarga-sandwich/ Dicapai pada 16 Mac 2021.

Halina Mohd Noor & Noor Hatina Shuib. (2020). Enam juta wanita keluarga 'sandwich'. *Berita Harian Online*. Dimuat turun dari:https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2020/01/650208/enam-juta-wanita-keluarga-sandwich Dicapai pada 22 Mac, 2021.

Hayashi, M. (2011). The care of older people in Japan: Myth's and realities of family 'care'. *History and Policy*. Policy Papers. Dimuat turun dari:http://www.historyandpolicy.org/policy-papers/papers/the-care-of-olderpeople-in-japan-myths-and-realities-of-family-care Dicapai pada Januari 14, 2021.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). *Definisi Warga Emas.* Dimuat turun dari https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VEpUUXV3THFRkZEmxWNjZpQ1BXdz09 pada Mac 14, 2021.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. (2021). Prosedur kerja selamat dan pencegahan COVID-19 di tempat kerja. *Kementerian Sumber Manusia Malaysia*. Dimuat turun dari: https://www.dosh.gov.my/index.php/prosedur-kerja-selamat-pencegahan-covid-19-di-tempat-kerja/file pada Jun 3 Dicapai pada 29 Mac 2021.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, mukim dan negeri, Malaysia, 2010*. Dimuat turun dari: https://web.archive.org/web/20120227090331/http://www.statistics.gov.my/portal/download_Population/files/population/05Jadual_Mukim_negeri/Mukim_Johor.pdf. Dicapai pada 29 Mac 2021.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2014). *Quick Facts KPWKM*. Kuala Lumpur: KPWKM.

Khadijah Alavi & Rahim M. Sail. (2010). Peranan wanita Melayu dalam proses penjagaan ibu bapa tua: Dilema dan cabaran dalam era globalisasi. *Kajian Malaysia*, *28*(2), 71-105.

Khadijah Alavi. (2007). Pengalaman anak dewasa berpendapatan rendah yang menjaga ibu bapa tua: Satu pendekatan berteraskan pendidikan komuniti*. Kajian Malaysia*, 25(2), 55-74.

Mohd Amierul Fikri Mahmud., Mohd Hazrin., Eida N Muhammad.,Muhammad F Mohd Hisyam., S. Maria Awaludin.,Mohammad A Abdul Razak.,Nur A Mahmud.,Nor A Mohamad.,Noran N Mohd Hairi., & Choo Wan Yuen (2020). Social support among older adults in Malaysia. *Geriatrics and Gerontology International*, 63-67.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dimuat turun dari: https://doi.org/10.1111/ggi.14033 pada 13 April, 2021. Dicapai pada 20 Januari 2022.

Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.

Noraini Che' Sharif., Khadijah Alavi., Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani. (2015). Pengalaman dan faktor pengabaian warga emas dalam komuniti. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities, 10*(1), 118-134.

Norulhuda Sarnon., Fauziah Ibrahim., Mohd Suhaimi Mohamad., Nasrudin Subhi., Khadijah Alavi., Chong Sheau Tsuey., Rahmah Mohd Amin., & Ezarina Zakaria. (2014). Meneroka pengalaman penjaga dewasa generasi sandwich terhadap aspek sosio-ekonomi keluarga. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 17, 53-69.

Nur Syakiran Akmal Ismail., Norehan Abdullah., Kalthum Hassan., Shamzaeffa Samsudin., Ummu Atiyah Ahmad Zakuan., Rohana Yusof., & Nurzalyna Mohamed Zaki. (2017). Kesejahteraan hidup warga emas.Perancangan berasaskan gender. *Malaysia Journal of Society and Space, 13*(3), 75-85.

Nurul Hudani Md Nawi., Habibie Ibrahim., & Puteri Hayati Megat Ahmad. (2020). Hubungan intergrasi, sokongan psikologi dan sosial dalam penjagaan warga emas: Satu kajian kes di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, *26*(1), 175-194.

Roebuck, J. (1979). When does old age begin? The evolution of the English definition. *Journal of Social History,* 416-28.

Setiyawan Gunardi., Mualimin Mochammad Sahid., Hasnizam Hashim., & Lukman Bin Abdul Mutalib. (2019). Zadul hayah kepada warga emas dalam menjalani kehidupan: Satu pengenalan. *E-Prosiding Persidangan Industri Warga Emas Peringkat Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah, Universiti SainsIslam Malaysia*. Conference paper. pp. 177-183.

Siti Marziah Zakaria., Alavi, K., & Subhi, N. (2013). Risiko kesunyian dalam kalangan warga tua di Rumah Seri Kenangan. *Journal of Psychology & Human Development*, *1*(1), 49-56.

Siti Zaila Husin & Khadijah Alavi. (2016). Kerja sosial di hospital: Meneroka pengabaian dalam kalangan pesakit warga emas. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, *11*(2), 462-484.

Suraidah Ali & Rahimah Abdul Aziz. (2018). Penjagaan tidak formal orang tua: Antara tanggungjawab dan beban. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities, 13*(3), 183-195.

Surina Nayan. (2006). Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas. *Jurnal Intelek*, *4*(1), 95-105.

Wan Ibrahim Wan Ahmad dan Zainab Ismail. (2010). Mengenali Warga Tua Desa Malaysia: Profil Sosial dan Pengaturan Tempat Kediaman. *Journal of Governance and Development,* 6, 22-39.

WHO. (2021). *Update on Omicron*. Dimuat turun dari: https://www.who.int/news/item/28-11-2021- update-on-omicron. Dicapai pada 08 Disember 2021.

Wikipedia (n.d.). The Free Encyclopedia. Johor. *Wikipedia*. https://en.wikipedia.org/wiki/Johor

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).